

18/10/2003

Peluang saksi mushaf al-Quran menerusi pameran YPEIM

UMAT Islam berpeluang menyaksikan manuskrip mushaf al-Quran karya penulis khat tempatan di pameran al-Quran Mushaf Malaysia yang diadakan serentak dengan Karnival Amal Jariah Antarabangsa 2003 di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil di sini.

Pameran selama empat hari yang bermula kelmarin itu, dianjurkan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sempena sidang kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa, berkata pameran itu membolehkan orang ramai mengenali produk Islam, terutama mushaf al-Quran yang diusahakan kumpulan pakar dalam bidang seni khat bagi mencipta mushaf Malaysia.

Beliau berkata, seni mushaf adalah gabungan seni khat (kaligrafi Islam) dan seni zukhuf (seni hias).

Katanya, penghasilan mushaf al-Quran atau kitab al-Quran bertulisan tangan itu bermatlamat untuk menghidupkan kembali seni mushaf, iaitu seni Islam teragung yang hilang dari dunia Islam hampir 500 tahun dulu.

"Kita menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung kerana ini adalah pameran terbesar yang pertama pernah diadakan.

"Malah, pengunjung juga berpeluang membeli al-Quran mushaf berharga RM50 senaskhah yang mempunyai hiasan menarik. Selain itu, kita menjual 100 cetakan koleksi khas mushaf Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berharga RM35,000," katanya yang ditemui, semalam.

Tinjauan Berita Harian juga mendapati selain pencetakan mushaf al-Quran, produk Islam lain seperti seni kertas Kudus, seni kraf Islam menggunakan daun nipah dan projek penghasilan al-Quran mushaf Nur-Fatimah turut dipamerkan.

Pengunjung, Nik Muniyana Nik Din, 25, berkata pameran seperti itu wajar diadakan setiap tahun kerana ia memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mengenali produk Islam.

"Pameran seperti ini boleh memberi pengetahuan dan pendidikan terutama kepada pelajar, iaitu mereka tidak hanya boleh membaca al-Quran tetapi tahu mengenai penghasilannya," katanya.

Penuntut, Saidah Ismail, 24, berkata ini kali pertama beliau mengunjungi karnival yang mempamerkan produk Islam tempatan, sekali gus membuktikan pengeluaran produk negara setanding dengan antarabangsa.

"Melalui pameran ini, kita dapat melihat kesenian Islam yang jarang ditemui dan dapat mengetahui kemampuan pelajar tempatan dalam menghasilkan seni khat," katanya.

Zulkifli Nik Yaacob, 41, berkata pameran itu juga dapat menambah pengetahuan pengunjung mengenai seni Islam.

"Penghasilan mushaf al-Quran tulisan tangan ini mampu menempatkan Malaysia setanding dengan negara Arab untuk muncul sebagai negara Islam yang disegani," katanya.

Sementara itu, jurucakap YPEIM berkata pengunjung akan dihiburkan dengan 12 penyanyi tanah air, termasuk Jamal Abdillah, Misha Omar, Fauziah Ahmad Daud dan Intan Sarafina menerusi Konsert Amal pada jam 8.45 malam ini.

Selain itu, pada hari yang sama, pemilik dan penggemar kereta antik dan motosikal berkuasa tinggi juga berpeluang menyertai konvoi dan Pameran Kereta Antik pada 12.30 tengah hari.

"Kita juga akan mengadakan persembahan kebudayaan tempatan dan beberapa negara OIC malam esok (hari ini) selain pertandingan mewarna untuk kanak-

kanak," katanya.